



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan : UKM.KPD.BPA.600-6/2/2

Tarikh : 9 Jun 2025

Semua Pelajar Berdaftar
Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)
SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2024-2025**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif (kecuali FTSM) dan Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025 akan diadakan pada **14 Julai hingga 3 Ogos 2025**.

Sehubungan itu, Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) boleh dicetak di SMPE mulai **16 Jun 2025**. **KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan.**

Pelajar yang masih mempunyai yuran tertunggak dikehendaki menyelesaikan yuran pengajian sebelum peperiksaan akhir semester ini. Sila berhubung dengan Bahagian Kewangan UKMShape untuk maklumat lanjut mengenai status yuran pengajian saudara/i.

Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan yang telah ditetapkan termasuk etika berpakaian yang dibenarkan sepanjang menduduki peperiksaan. Sebarang nota (digital/fizikal) dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya pelajar melanggar peraturan peperiksaan dan etika berpakaian, denda dan/atau tindakan akan diambil.

Sekian, untuk perhatian saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

MAZUNA JAMALUDDIN

Penolong Pendaftar Kanan

Bahagian Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272111 E-mel: upshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my